

Prosiding babit 30 saksi, 137 ekshibit dikemukakan sebagai bukti

Keputusan inkues Adib hari ini

Oleh TAUFIK SALIMIN

KUALA LUMPUR – Hari ini pasti menjadi detik paling dinantikan buat keluarga Muhammad Adib Mohd. Kassim, (gambar kecil), 24, apabila Mahkamah Koroner Shah Alam dijangka membuat keputusan berhubung inkues kematian anggota Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Subang Jaya itu.

Muhammad Adib meninggal dunia pada 17 Disember 2018 selepas 21 hari dirawat dipercayai diserang dalam insiden rusuhan Kull Sri Maha Mariamman dekat Subang Jaya, 27 November lalu.

Prosiding inkues bermula 11 Februari lalu membabitkan seramai 30 saksi dan sebanyak 137 ekshibit dikemukakan sebagai bukti penilaian keputusan.

Sepanjang 41 hari inkues dijalankan di Mahkamah Koroner Shah Alam, Selangor; pelbagai catatan menarik hasil keterangan saksi-saksi direkodkan bagi membolehkan Koroner Rofiah Mohamad (gambar kecil), membuat keputusan hari ini.

Pelbagai cerita saksi didedahkan dan antara yang mencuri tumpuan sudah pasti beberapa individu yang berada di tempat kejadian.

Kesemua dengan sekatanya menyatakan seolah-olah melihat ramai orang sedang membuat bulatan sambil kaki dan tangan masing-masing sedang 'menghantam' sesuatu.

Ini tidak termasuk kisah pegawai dan anggota bomba yang berdepan detik cemas selepas sekumpulan perusuh mula melancarkan serangan dengan melontar pelbagai objek ke arah jentera Fire Rescue Tender (FRT) dan van EMRS.

Namun, tiada siapa dapat menahan air mata apabila bapa Muhammad Adib, Mohd. Kassim Abdul Hamid yang menjadi saksi ke-23 hadir dengan wajah sugul mengharapkan keadilan memihak kepada anak kesayangannya itu.

Tatkala memberikan keterangan, lelaki berusia 64 tahun hanya mampu menahan sebak dan memberitahu anaknya itu sempat bertanya khabar seluruh ahli keluarganya semasa hayatnya.

Ketika itu, Muhammad Adib hanya dapat berkomunikasi dengan menulis di papan putih.



MUHAMMAD ADIB yang cedera parah dalam kejadian rusuhan kull dekat Subang Jaya pada 27 November 2018 meninggal selepas 21 hari menerima rawatan di Institut Jantung Negara.

Kelancaran prosiding inkues dikejutkan dengan kenyataan saksi ke-24, iaitu Pakar Perubatan Forensik Hospital Kuala Lumpur, Dr. Ahmad Hafizam Hasmi yang memberitahu corak kecederaan pada Muhammad Adib bukannya dipukul, pada hari ke-16.

Prosiding sekali lagi dikejutkan dengan kemunculan Cik Miera atau nama sebenarnya Siti Syafikah Amiera, 27, yang memuat naik komen berhubung kematian Muhammad Adib. Bagaimanapun, dia akhirnya memohon maaf kerana tindakannya itu hanyalah mengikut emosi.

Selain kejutan, elemen perbalahan juga tercetus selepas saksi

ke-29, Perunding Kanan Patologi Forensik United Kingdom, Prof. Dr. Shahrom Abd. Wahid seperti mempertikai keterangan Dr. Ahmad Hafizam.

Menambahkan lagi episod kejutan, peguam Syazlin Mansor yang mewakili KPKT dan JBPM pula bertindak menarik diri daripada meneruskan inkues yang sudah memasuki hari ke-37 dipercayai menerima tekanan pihak tertentu namun beliau kekal dalam prosiding sebagai wakil keluarga Allahyarham.

Akhirnya, prosiding inkues kematian Hero Malaya itu ditutup pada 24 Julai lalu selepas Koroner Rofiah berpuas hati dengan semua keterangan diberikan.

INFO Kronologi kes Muhammad Adib

- 27 November 2018 - Muhammad Adib diserang perusuh di Kull Maha Mariamman, USJ25, pukul 1 pagi. Dia yang cedera menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi Pusat Darabot Ramsay Sime Darby, Subang Jaya
- 28 November 2018 - Muhammad Adib dipindahkan ke Institut Jantung Negara (IJN) dan dirawat dengan mesin sokongan hayat
- 28 November 2018 - Badan bertindak kull mendakwa Muhammad Adib parah akibat kemalangan jalan raya
- 17 Disember 2018 - Muhammad Adib menghembuskan nafas terakhir pukul 9.41 malam di IJN
- 27 Disember 2018 - Kerajaan mengumumkan menubuhkan inkues untuk mengetahui punca sebenar kematian
- 11 Februari 2019 - Inkues Muhammad Adib bermula di Mahkamah Koroner Shah Alam
- 27 September 2019 - Keputusan inkues kematian Muhammad Adib

'Setiap saat saya doakan keadilan buat arwah'

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – "Setiap saat saya tidak pernah lupa untuk doakan keadilan buat arwah."

Demikian kata Asma Aziz, 52, ibu kepada Allahyarham Muhammad Adib Mohd. Kassim yang berharap keputusan inkues bagi mencari punca kematian anaknya

hari ini memberi keadilan buat arwah.

"Esok (hari ini) adalah hari yang penting buat keluarga kami dan sudah tentu kami mahukan keadilan buat Adib," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Tebe-ngau, Kuala Kedah di sini semalam.

Harapan yang sama turut dikongsikan bapa Muhammad

Adib, Mohd. Kassim Abdul Hamid.

Menurut Asma, dia juga tidak berhenti berdoa buat Allahyarham Muhammad Adib ketika menunaikan haji baru-baru ini.

"Hari ini (semalam), keluarga juga membuat tahlil dan bacaan Yasin bagi mendoakan keputusan inkues esok (hari ini) memberi

keadilan buat arwah.

"Sebelah petang tahlil dan bacaan Yasin dibuat di rumah disusuli di Masjid As-Saadah pada malam ini (semalam)," ujarnya.

Tambahnya, dia sekeluarga akan mengikuti prosiding keputusan inkues Allahyarham Muhammad Adib di Mahkamah Shah Alam, Selangor hari ini.



MOHD. KASSIM



ASMA